



GARIS PANDUAN PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA



GARIS PANDUAN PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk:-
 - 1.1.1 menyediakan tatacara mengurus hal ehwal HIV/AIDS di tempat kerja.
 - 1.1.2 memberikan pendedahan dan kesedaran tentang HIV/AIDS dalam kalangan warga Universiti.
 - 1.1.3 mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan tidak mendiskriminasi staf Universiti yang menghidap HIV/AIDS.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 Melainkan sesuatu itu terjawab maksudnya dalam Garis Panduan ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:-
 - 2.1.1 '*Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)*' bermaksud suatu keadaan yang mana sistem daya tahan badan kehilangan kemampuannya untuk menangkis jangkitan lalu dengan itu menjadi mudah terdedah kepada jangkitan oportunistik dan jenis-jenis barah tertentu. Keadaan ini disebabkan oleh jangkitan virus HIV.
 - 2.1.2 '*Diskriminasi*' bermaksud sebarang pembezaan, pengecualian atau pengutamaan yang dibuat berasaskan status HIV nyata atau persepsi yang mengakibatkan tidak sah atau terjejas kesaksamaan dari segi peluang atau layanan dalam pekerjaan. Ia meliputi wujudnya kemudahan latihan dan jaminan pekerjaan serta terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan.
 - 2.1.3 '*Human Immunodeficiency Virus (HIV)*' bermaksud virus yang melemahkan sistem daya tahan badan yang akhirnya menyebabkan AIDS.
 - 2.1.4 '*Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) UMT*' bermaksud suatu jawatankuasa yang diwujudkan oleh Universiti bagi menangani hal ehwal berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Universiti.
 - 2.1.5 '*Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)*' bermaksud seseorang yang mengetuai mana-mana Fakulti, Pusat Pengajian, Pusat Pendidikan,

Pusat Kecemerlangan, Pusat Perkhidmatan, Pejabat, Akademi, Pusat, Institut dan Kolej Kediaman yang diberi kuasa oleh Universiti untuk mengurus dan mengawal sumber kewangan dan lain-lain sumber, melainkan ditentukan sebaliknya oleh Naib Canselor.

- 2.1.6 'Langkah Pengawasan Umum' bermaksud penggunaan biasa amalan kerja selamat dan rintangan pelindung untuk mengurangkan sebarang penyakit berjangkit.
- 2.1.7 'Staf' bermaksud mana-mana orang yang diambil bekerja atau dilantik oleh Universiti.
- 2.1.8 'Tempat kerja' bermaksud mana-mana pejabat atau premis Universiti.
- 3.1.1 'Universiti' bermaksud Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

3.0 PENCEGAHAN HIV DAN AIDS

- 3.1 HIV boleh mengakibatkan pesakit mudah mendapat jangkitan kuman dan kanser. Virus ini hanya boleh hidup di dalam sel organisma hidup yang lain dan hanya menjangkiti manusia. Virus HIV adalah virus yang lemah, tidak bertahan di luar badan manusia.
- 3.2 AIDS atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit adalah peringkat terakhir jangkitan HIV. Ini bermakna AIDS adalah penyakit yang berjangkit atau merebak daripada seseorang kepada seseorang yang lain dan tidak diwarisi daripada ibu bapa.
- 3.3 HIV boleh wujud dalam segala tisu dan organ badan serta bendalir serebrospina dalam saraf tunjang dan otak orang yang dijangkiti. HIV boleh hidup dalam bendalir tubuh seperti berikut:-

- 3.3.1 Didapati dengan banyak dalam darah, air mani, bendalir faraj dan susu ibu (susu badan orang yang dijangkiti).
- 3.3.2 Didapati pada jumlah yang kecil dalam air mata, air kencing, air liur dan rembesan telinga.

Walau bagaimanapun, bendalir itu mestilah mengandungi virus yang mencukupi untuk menyebabkan jangkitan. Hubungan mesti keluar daripada darah orang yang dijangkiti dan memasuki darah orang lain kerana HIV hanya boleh hidup di dalam tubuh manusia yang hidup.

- 3.4 Virus HIV boleh merebak melalui:-
 - 3.4.1 Hubungan seks tanpa perlindungan bersama individu yang telah dijangkiti (termasuk hubungan melalui faraj, dubur atau mulut).
 - 3.4.2 Penagih dadah yang berkongsi jarum dan alat suntikan yang tercemar dan tidak disteril (bebas daripada kuman).
 - 3.4.3 Pemindahan darah dan organ yang tercemar dengan virus HIV.

- 3.4.4 Ibu yang telah dijangkiti kepada bayinya ketika dalam rahim, sewaktu melahirkan atau sewaktu menyusu.
- 3.4.5 Kelengkapan penembuk kulit yang tercemar dan tidak disteril seperti yang digunakan untuk menindik telinga, akupunktur, tatu atau menanggalkan bulu.
- 3.5 Virus HIV tidak boleh dijangkiti melalui:-
 - 3.5.1 Sentuhan fizikal biasa seperti berjabat tangan dan berpelukan.
 - 3.5.2 Batuk, bersin dan bercumbu.
 - 3.5.3 Berkongsi kemudahan tandas dan kemudahan mandi.
 - 3.5.4 Penggunaan pinggan mangkuk atau makan atau minum makanan atau minuman yang disentuh oleh seseorang yang menghidap HIV.
 - 3.5.5 Gigitan serangga seperti nyamuk atau kutu.
- 3.6 Gejala Awal HIV/AIDS:-
 - 3.6.1 Pada peringkat awal, selalunya pesakit kelihatan sihat walaupun dirinya positif HIV. Di peringkat ini, pesakit tidak mempunyai tanda-tanda menghidapi AIDS, tetapi virus HIV boleh merebak dan menjangkiti orang lain. Sebilangan pesakit mengalami gejala-gejala seperti demam, sakit tekak dan batuk, sakit otot, sakit kepala, cirit-birit, bengkak kelenjar limfa, letih, ruam, sakit sendi, atau turun berat badan dalam tempoh 2 hingga 6 minggu selepas dijangkiti virus HIV.
 - 3.6.2 Pesakit HIV mudah untuk mendapat jangkitan kuman disebabkan sistem ketahanan badan yang lemah. Dalam tempoh 2 tahun, pesakit AIDS boleh mendapat jangkitan kuman yang teruk, susut berat badan dan lemah. Sekiranya tidak mendapatkan rawatan awal, gejala penyakit AIDS seperti ruam, jangkitan sistem pernafasan, jangkitan paru-paru yang teruk dan batuk kering, cirit-birit yang kronik, jangkitan kuman pada otak (contohnya *toxoplasmosis*), jangkitan kulat (contohnya *candidiasis* pada saluran makanan atau sistem pernafasan) atau kanser (contohnya *Kaposi's sarcoma*) akan muncul dalam tempoh antara 8 hingga 15 tahun.
- 3.7 Pencegahan di kalangan individu berisiko tinggi dan orang awam adalah amat penting kerana tiada ubat untuk menyembuhkan penyakit AIDS dan vaksin untuk mencegah HIV. Kebanyakan orang tidak mampu untuk membeli ubat anti retrovirus dan paling utama ialah penularan HIV/AIDS boleh dibendung daripada mangsa kepada orang lain. Antara langkah pencegahan yang disarankan kepada mereka yang dijangkiti HIV/AIDS ialah:-
 - 3.7.1 Cara yang terbaik untuk melindungi diri daripada semua penyakit kelamin seperti HIV adalah dengan tidak berzina, melakukan seks bebas, hubungan seks luar tabii dan menjauhi maksiat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra', ayat 32 yang bermaksud "*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat.*"

- 3.7.2 Penggunaan kondom (*al-a'zli*) hanya dibolehkan bagi pasangan suami isteri yang sah. Kondom diklasifikasikan sebagai alat perubatan yang memberikan halangan fizikal semasa berlakunya persetubuhan kerana mencegah berlakunya sentuhan cecair seperti air mani dan cecair dari faraj. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan kondom bukannya satu penyelesaian namun mampu mencegah sehingga 80% jangkitan HIV. Walaupun begitu, ianya terbukti dalam melambatkan penyebaran jangkitan HIV dalam masyarakat.
- 3.7.3 Jangan sesekali berkongsi jarum atau alat suntikan yang tercemar terutamanya bagi aktiviti penyalahgunaan dadah. Berkongsi jarum dan alat suntikan akan menyebabkan jangkitan HIV apabila penggunaannya alatan tersebut menembusi kulit seseorang yang lain.
- 3.7.4 Membasuh tangan menggunakan air dan sabun dengan segera apabila terkena darah atau bendalir yang tercemar.
- 3.7.5 Menutup segala bisul atau luka sebelum menyentuh darah atau bendalir tubuh orang lain.
- 3.7.6 Memakai sarung tangan getah pakai buang dan melupuskannya mengikut tatacara yang ditetapkan.
- 3.7.7 Bersihkan permukaan yang terdedah kepada bendalir yang tercemar seperti pada lantai, tandas dan meja dengan bahan peluntur.
- 3.7.8 Jangan berkongsi alat kelengkapan kebersihan atau dandanan diri seperti pisau cukur, berus gigi, pengetip kuku, gunting dan seumpamanya.
- 3.7.9 Jika perempuan, elakkan dari mengandung (dapatkan kaunseling untuk mengurangkan risiko jangkitan kepada bayi yang dikandung).
- 3.7.10 Jangan menderma darah atau organ badan.

4.0 PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA

- 4.1 Universiti beriltizam untuk sentiasa mengambil tindakan pencegahan penularan virus HIV serta menghapuskan diskriminasi dan stigma terhadap staf Universiti yang menghidap HIV/AIDS. Malah, semua Ketua PTj dan staf Universiti hendaklah mengamalkan langkah-langkah yang wajar untuk mencegah merebaknya jangkitan HIV.
- 4.2 Ketua PTj hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan peranan dalam mengurus hal ehwal HIV/AIDS di tempat kerja, seperti berikut:-

4.2.1 Iltizam

- 4.2.1.1 Mewujudkan suatu persekitaran tempat kerja yang selamat dan tanpa risiko kepada staf.

- 4.2.1.2 Memahami fakta tentang HIV/AIDS misalnya pencegahan, jangkitan dan rawatan.
- 4.2.1.3 Menyelami perasaan staf yang menghidap HIV/AIDS iaitu pengalaman kesakitan, kesedihan dan kemurungan yang dihadapi oleh mereka.
- 4.2.1.4 Memberi keyakinan kepada semua staf untuk menjalani kehidupan yang sihat berlandaskan prinsip-prinsip Islam dan agama yang dianuti.
- 4.2.1.5 Mewujudkan kepercayaan dengan menunjukkan kasih sayang kepada staf yang menghidap HIV/AIDS.
- 4.2.1.6 Membantu staf yang menghidap HIV/AIDS menghadapi isu yang disebabkan oleh HIV/AIDS seperti hubungan dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.
- 4.2.1.7 Mendoakan staf yang menghidap HIV/AIDS dan keluarga mereka agar diberi kekuatan untuk menghadapi kesukaran yang disebabkan oleh HIV/AIDS.

4.2.2 Amalan Pekerjaan Yang Tidak Mengadili Dan Tidak Mendiskriminasi

- 4.2.2.1 Mewujudkan persekitaran kerja yang tidak mendiskriminasi staf yang menghidap HIV/AIDS.
- 4.2.2.2 Mengamalkan kesaksamaan jantina di tempat kerja agar semua staf mampu menangani isu-isu yang berkaitan dengan HIV/AIDS.
- 4.2.2.3 Amalan pekerjaan hendaklah berasaskan bukti saintifik dan bukti epidemiologi bahawa orang yang menghidap HIV tidak menimbulkan risiko penularan virus kepada rakan sekerja melalui hubungan biasa di tempat kerja.
- 4.2.2.4 Status positif HIV tidak boleh menjadi kriteria tunggal untuk membatalkan kelayakan daripada sebarang bentuk pekerjaan.
- 4.2.2.5 Staf yang menghidap HIV/AIDS hendaklah berhak untuk terus bekerja selama mereka berupaya bekerja dan selama mereka tidak menimbulkan sebarang risiko dan bahaya kepada diri mereka sendiri, rakan sekerja dan individu lain di tempat kerja.
- 4.2.2.6 Prosedur untuk penamatan perkhidmatan atas dasar perubahan untuk staf yang menghidap HIV/AIDS hendaklah sama dengan staf yang menghidap penyakit lain.
- 4.2.2.7 Tindakan disiplin atau tatatertib boleh dikenakan terhadap mana-mana staf yang mendiskriminasi atau mengaibkan staf yang menghidap HIV/AIDS atau disyaki sebagai positif HIV.

4.2.3 Kerahsiaan dan Privasi

- 4.2.3.1 Memastikan kerahsiaan dan privasi staf yang menghidap HIV dijaga.
- 4.2.3.2 Memastikan bahawa staf yang positif HIV tidak dikehendaki mendedahkan status HIV beliau kepada sesiapa pun di tempat kerja sekiranya kemungkinan penularan virus HIV adalah tiada atau rendah.
- 4.2.3.3 Melaporkan kemalangan pekerjaan yang berkaitan dengan pendedahan terhadap HIV kepada JKKP dan Pejabat Pendaftar dengan mengambil kira aspek keselamatan di jabatan masing-masing. Tindakan tatatertib boleh diambil kepada staf yang positif sekiranya wujud pelanggaran peraturan yang ditetapkan.

4.2.4 Aspek Keselamatan dan Kesihatan

- 4.2.4.1 Memberi harapan dan sokongan emosi kepada staf yang menghidap HIV/AIDS untuk meneruskan kehidupan di masa hadapan.
- 4.2.4.2 Memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat termasuklah langkah-langkah pengawasan umum seperti penyediaan kelengkapan pelindungan dan pertolongan cemas.
- 4.2.4.3 Mengenal pasti pekerjaan dan risiko kerja di tempat kerja staf yang menghidap HIV/AIDS yang menimbulkan risiko penularan HIV terhadap staf yang lain.
- 4.2.4.4 Sekiranya terdapat potensi risiko pendedahan HIV di persekitaran kerja, Ketua PTj hendaklah melaporkan kepada JKKP mengenai potensi penularan tersebut dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian.

4.2.5 Saringan HIV/Pengujian Antibodi HIV

- 4.2.5.1 Ketua PTj tidak harus mewajibkan penyaringan atau pengujian antibodi HIV kepada staf sebagai prasyarat untuk kenaikan pangkat, faedah pekerja dan seumpamanya.
- 4.2.5.2 Ketua PTj perlu membimbing dan menggalakkan staf yang mempunyai gejala dan kemungkinan terdedah dengan virus HIV untuk menjalani saringan HIV/pengujian antibodi HIV dengan persetujuan bersama staf.

4.2.6 Program Pencegahan, Penerangan, Pendidikan dan Latihan

- 4.2.6.1 Ketua PTj hendaklah mengadakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan untuk memastikan tidak berlaku penularan atau jangkitan HIV di PTj masing-masing.

- 4.2.6.2 Jika terdapat risiko pendedahan kepada HIV, Ketua PTj hendaklah merangka program pendidikan dan latihan yang khusus kepada staf di PTj mereka. Maklumat dan pendidikan tersebut hendaklah menjadi sebahagian utama program pembangunan staf dan perlu disasarkan kepada semua staf di PTj yang berkenaan.
- 4.2.6.3 Program kecemasan dan latihan seperti pertolongan cemas berkaitan HIV hendaklah dirujuk kepada Pusat Kesihatan Universiti (PKU) atau Pegawai Perubatan yang bertauliah.
- 4.2.6.4 Mendidik orang lain bahawa adalah selamat untuk bersama staf yang menghidap HIV/AIDS.

4.2.7 Kaunseling, Runding Cara dan Sokongan Sosial

- 4.2.7.1 Ketua PTj hendaklah menggalakkan keterbukaan, penerimaan dan sokongan moral terhadap staf yang sanggup mendedahkan status HIV mereka secara sukarela.
- 4.2.7.2 Membantu memulihkan hubungan sosial dan silaturahim mereka disebabkan keengganan orang lain berkawan dengan mereka.
- 4.2.7.3 Menggalakkan staf yang menghidap HIV/AIDS secara sukarela berkongsi pengalaman dan bantuan sama ada secara dalaman atau melalui pihak luar untuk mendapatkan bantuan psikososial berkaitan HIV seperti menghadiri sesi runding cara atau kaunseling.
- 4.2.7.4 Mendapatkan maklumat mengenai khidmat sokongan lain yang berkaitan yang boleh diberikan kepada mereka.
- 4.2.7.5 Seseorang perunding yang dilantik oleh Universiti hendaklah berkeupayaan untuk memberi runding cara tentang HIV/AIDS dan membina hubungan beramanah dengan staf yang menerima runding cara.

- 4.3 Tanggungjawab staf Universiti yang menghidap HIV/AIDS dan rakan sekerja mereka adalah:-

4.3.1 Amalan Pekerjaan Yang Tidak Mengadili dan Tidak Mendiskriminasi

- 4.3.1.1 Mengekalkan penghormatan yang adil kepada rakan sekerja untuk kebaikan sejagat.
- 4.3.1.2 Sentiasa mengamalkan budaya kerja dengan penuh kasih sayang sesama rakan sekerja.
- 4.3.1.3 Rakan sekerja yang paling baik ialah mereka yang tidak bersikap kasar dan keras hati, sebaliknya mereka bersikap lemah lembut, bertimbang rasa dan memberi sokongan kepada satu sama lain.

- 4.3.1.4 Staf tidak harus mendiskriminasi dan merendahkan martabat rakan sekerja mereka yang positif HIV.
- 4.3.1.5 Tindakan disiplin atau tatatertib boleh dikenakan terhadap staf Universiti yang mendiskriminasi atau mengaibkan mana-mana staf Universiti yang positif HIV atau disyaki sebagai positif HIV.

4.3.2 Kerahsiaan dan Privasi

- 4.3.2.1 Setiap maklumat yang dikongsi oleh staf Universiti yang menghidap HIV adalah menjadi rahsia dan staf berkenaan berhak sama ada untuk mendedahkannya ataupun tidak.
- 4.3.2.2 Namun, demi kepentingan dan keselamatan kesihatan bersama, staf Universiti amat digalakkan untuk mendedahkan status HIV mereka kepada pihak-pihak tertentu seperti keluarga, rakan, Ketua PTj dan Pendaftar.
- 4.3.2.3 Staf yang menghidap HIV/AIDS atau rakan yang mengetahui digalakkan untuk membuat pemakluman kepada Pendaftar melalui Ketua PTj mengenai status kesihatan (HIV) bagi tujuan pendidikan dan pencegahan kepada potensi risiko penularan virus HIV di tempat kerja.
- 4.3.2.4 Memberitahu kepada orang terdekat seperti suami/isteri/anak-anak dan orang yang mungkin pernah berkongsi jarum atau individu yang pernah menerima derma darah atau organ, dan minta mereka membuat ujian antibodi HIV.

4.3.3 Aspek Keselamatan dan Kesihatan

- 4.3.3.1 Seseorang staf Universiti yang positif HIV hendaklah bertindak secara bertanggungjawab supaya tidak mendedahkan rakan sekerja mereka kepada risiko jangkitan HIV.
- 4.3.3.2 Mematuhi segala arahan dan prosedur tentang langkah-langkah kawalan HIV yang ditetapkan oleh Universiti dan Kerajaan.
- 4.3.3.3 Memberi kerjasama penuh dan menyertai program HIV/AIDS yang dianjurkan oleh Universiti atau pihak lain.
- 4.3.3.4 Bagi staf wanita, jangkitan melalui ibu kepada anak dapat dikurangkan dengan mengambil *anti-virus* sewaktu mengandung dan bersalin serta mengelakkan pembedahan dan penyusuan.
- 4.3.3.5 Memahami kesan yang akan dihadapi apabila telah dijangkiti virus atau penyakit HIV.
- 4.3.3.6 Mendapatkan rawatan perubatan susulan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Tindakan tatatertib boleh

diambil sekiranya staf yang menghidap HIV/AIDS enggan mendapatkan rawatan perubatan susulan yang berkaitan.

- 4.4 JKPP hendaklah membantu Universiti dalam pelaksanaan dasar dan program berkaitan HIV/AIDS. Staf Universiti yang menghidap HIV boleh dijemput menghadiri perbincangan tentang pelaksanaan dasar dan program HIV/AIDS. Antara peranan JKPP berkaitan HIV/AIDS adalah:-
- 4.4.1 Merangka, melaksana dan membuat kajian semula dasar dan program tentang pengurusan HIV/AIDS di Universiti.
 - 4.4.2 Menjalankan siasatan terhadap sebarang kemalangan yang berkaitan dengan pendedahan kepada darah.
 - 4.4.3 Mencadangkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan untuk mengurangkan risiko jangkitan HIV/AIDS di Universiti.
 - 4.4.4 Membincangkan sebarang aduan berkaitan isu-isu HIV/AIDS.
 - 4.4.5 Memberikan latihan kepada ahli JKPP mengenai pengurusan HIV/AIDS di Universiti.

5.0 RUJUKAN

- 5.1 Senarai rujukan dalam menggubal garis panduan ini adalah:-
- 5.1.1 Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia, (2001), *Kod Amalan Tentang Pencegahan Dan Pengurusan HIV/AIDS Di Tempat Kerja*. Malaysia : Kementerian Sumber Manusia.
 - 5.1.2 Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2007), *HIV & AIDS*. Malaysia : Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - 5.1.3 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (2009), *Manual Islam & HIV/AIDS*. Malaysia : JAKIM.
 - 5.1.4 Sabir Abdul Ghani, Fadzli Adam, Muhammad Rashidi Wahab (2014), *Penilaian Penyalahgunaan Dadah Menurut Fatwa Ulama Dari Perspektif Islam*. Terengganu : Penerbit UMT.

**JAWATANKUASA PENGUBALAN
GARIS PANDUAN PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA**

PENASIHAT



HAJI ZUKIFEREE BIN IBRAHIM
PENDAFTAR

PENGERUSI JAWATANKUASA



ABDULLAH SYUKRI BIN M. SALEH
TIMBALAN PENDAFTAR
JABATAN SUMBER MANUSIA
PEJABAT PENDAFTAR



DR. DAENG MALIS BIN HJ. AB. KAHAR
PEGAWAI PERUBATAN KANAN
PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI



FAEZAH BINTI SALLEH
KETUA PENOLONG PENDAFTAR
JABATAN SUMBER MANUSIA
PEJABAT PENDAFTAR



DR. MAS AIDA BINTI ZAITON
PEGAWAI PERUBATAN KANAN
PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI



ZAHIRAH BINTI A. RAZAK
KETUA PENOLONG PENDAFTAR
BAHAGIAN GOVERNAN DAN PENTADBIRAN
PEJABAT PENDAFTAR



NORHAFIZAH BINTI MOHD SUIB
KETUA PENOLONG PENDAFTAR
PUSAT PEMBANGUNAN BAKAT DAN INOVASI



ASRUL AZANI BIN MAHMOOD
KETUA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKMAL
PUSAT PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN
LAPANGAN



FAIZAH BINTI ISMAIL, P.P.C.
TIMBALAN KETUA
PUSAT ISLAM SULTAN MAHMUD



MOHD JUHARI BIN AB. KADIR
KETUA UNIT INTEGRITI



MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN ZAKARIA
PEGAWAI UNDANG-UNDANG KANAN
PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG



AISAMUDDIN BIN A. JALIL
PEGAWAI KESELAMATAN KANAN
BAHAGIAN KESELAMATAN
PEJABAT PENDAFTAR



**WAN NOR AHMAD SYAIFUDDIN
BIN WAN NORAZMI**
PEGAWAI PSIKOLOGI
JABATAN SUMBER MANUSIA
PEJABAT PENDAFTAR
[URUS SETIA]